

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN PENUTUP KURSUS PEMBANTU PENTADBIRAN PENINGKATAN (KPPP) KELAS II SIRI 5/19 DAN KURSUS PEMBANTU PENTADBIRAN (KPP) KELAS 1 SIRI 70/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5637-majlis-penyampaian-sijil-dan-penutup-kursus-pembantu-pentadbiran-peningkatan-kppp-kelas-ii-siri-5-19-dan-kursus-pembantu-pentadbiran-kpp-kelas-1-siri-70-19

SUBANG, 14 Nov 19 – Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan telah mengadakan Majlis penyampaian sijil dan penutup Kursus Pembantu Pentadbiran Peningkatan (KPPP) Kelas II Siri 5/19 yang disempurnakan oleh Pengarah Perkhidmatan, Kol Mohd Khair bin Shaari TUDM di Dewan Pahlawan INSTAR.



Seramai 40 orang anggota dari Ketukangan Pembantu Pentadbiran berpangkat Kpl U yang terdiri daripada 38 anggota lelaki dan 2 anggota wanita hadir bagi mengikuti kursus ini. Penuntut akademik terbaik disandang oleh Kpl U Che Mohd Safaris bin Che Deris dan penuntut kesuluruhan terbaik disandang oleh Kpl U Muhammad bin Che Ismail.



Dalam majlis yang sama turut diadakan penyampaian sijil dan penutup Kursus Asas Pembantu Pentadbiran (KPP) Kelas I Siri 70/19 terdiri daripada 39 anggota dari Ketukangan Pembantu Pentadbiran berpangkat Laskar Udara I. Penuntut akademik terbaik dan penuntut kesuluruhan terbaik disandang oleh 732585 LU I Febian anak Jhony.



